

Dr. M minta B.H. 15 JUL 1992 hentikan surat layang

(n)
KUALA TERENGGANU, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta golongan tertentu di dalam Umno yang menyebarkan surat layang bagi melagakan pucuk pimpinan parti, supaya menghentikan segera perbuatan itu.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, perbuatan itu bukan cara yang sihat untuk menangi pertandingan dalam parti, sebaliknya ia memburukkan imej Umno.

"Saya rasa ini tak betul... Kalau nak menang pun, carilah cara yang sihat, kenapa harus buat perkara seperti ini yang memburukkan Umno," katanya menjawab soalan pemberita selepas merasmikan Primula Kapas Island Village Resort, dekat sini, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas mengenai per-

buatan menyebarkan surat layang yang dilaporkan semakin serius di kalangan ahli Umno menjelang pemilihan agung tiga tahun sekali parti itu yang dijadualkan tahun depan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob, kelmarin mendedahkan, kementeriannya menerima pelbagai surat layang yang mengumpat pemimpin kerajaan.

Selain itu, katanya, kementerian berkenaan juga mengenal pasti banyak buku yang ditulis semata-mata untuk membara semangat ahli Umno menentang pemimpin dan kerajaan.

Semalam, Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat menyifatkan surat layang sebagai racun dan meminta ahli Umno jangan membarucanya.